

06 OCT 2002

DEWAN PEMUDA PAS NEGERI BUAT LAPORAN POLIS TERHADAP DR MAHATHIR

KUALA TERENGGANU, 6 Okt (Bernama) -- Dewan Pemuda PAS Terengganu hari ini membuat laporan polis berhubung ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang didakwa memberi tafsiran ayat Al-quran yang salah dan menghina sunah Nabi.

Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri Muhyidin Abdul Rashid berkata laporan itu dibuat berikutan ucapan Perdana Menteri sewaktu merasmikan Konvensyen Barisan Nasional dan Perhimpunan Rakyat Terengganu pada 16 Ogos di Sekolah Menengah Tun Telanai, Marang.

Muhyidin tiba di Ibupejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Terengganu pada pukul 2.55 petang bersama 13 anggota PAS dan tiga peguam, yang mewakili Pemuda PAS.

-- BERNAMA

MRA RON